

Hayati hikmah kandungan al-Quran

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri menyeru umat Islam mengingati Nuzul al-Quran dengan menghayati hikmah peristiwa dan isi kandungan keseluruhan kitab suci berkenaan.

Tan Sri Muhyiddin Yassin kemudian mengajak umat Islam agar meluangkan lebih masa membaca dan memahami intipati al-Quran yang antara lain mengajak setiap individu melakukan amal soleh.

Menurut beliau, detik 17 Ramadan adalah hari memperingati Nuzul al-Quran iaitu peristiwa kitab suci umat Islam dan mukjizat terbesar dikurniakan Allah kepada Rasulullah untuk menjadi ikutan umat Islam ditu-

runkan kepada manusia.

“Al-Quran adalah sumber ilmu, hidayah serta panduan untuk kita menjalani kehidupan di dunia. Membaca, mengamal dan menyebarkan kandungan al-Quran untuk manfaat manusia adalah tanda kita mencintai al-Quran.

“Di bulan Ramadan mulia ini, marilah kita bersama-sama menghayati hikmah yang terkandung pada peristiwa ini dan isi kandungan al-Quran secara keseluruhannya. Luangkanlah lebih banyak masa membaca dan memahami intipati al-Quran yang antara lain mengajak kita melakukan amal soleh,” katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Muhyiddin mendoakan dan berharap umat Islam di negara ini khasnya dan di seluruh dunia dapat menjalani

ibadah puasa dengan sempurna.

Sementara itu, menerusi kenyataan di Facebook, Perdana Menteri berkata, beliau turut berkesempatan mengikuti tazkiarah disampaikan tokoh agama, Datuk Badli Shah Alaudin mengenai mukjizat al-Quran sewaktu menunaikan solat sunat tarawih berjemaah bersama para menteri, timbalan menteri dan pengurusan tertinggi perkhidmatan awam di Kuala Lumpur malm kelmarin.

“Semoga amalan baik kita semua mendapat pahala dan diterima oleh Allah SWT. Insya-Allah,” katanya.

Muhyiddin seterusnya meminta umat Islam di negara ini untuk bersama-sama meningkatkan amal ibadat di bulan Ramadan dan menjauhi segala kemungkaran.